

Menelusuri pembabitan wanita dalam politik

BH - 6/11/2007

BERDASARKAN sejarah perjuangan wanita di seluruh dunia, wanita Malaysia nyata lebih bernasib baik berbanding rakan mereka di negara lain termasuk di negara maju. Jika perjuangan awal gerakan wanita di Amerika, Britain dan Russia ialah menuntut hak mengundi, status wanita di negara ini sudah sama dengan lelaki sejak pilihan raya pertama diadakan lagi.

Begitu juga corak dan pendekatan perjuangan wanita Malaysia dengan negara lain juga tidak sama. Perjuangan wanita di negara ini meskipun berentak nada sederhana tetap mempunyai cara tersendiri, demokrasi, toleransi dan ada persefahaman antara lelaki dan wanita.

Bagaimanapun, meneliti corak perjuangan awal wanita di dunia ia dikatakan, bermula dengan gelombang gerakan feminisme di Barat khususnya, di Amerika Syarikat. Gelombang gerakan feminisme dikatakan bermula dari 1848 dan amat dipengaruhi oleh aktivis wanita barat

seperti Elizabeth Cady Stanton, Susan B Anthony, Lucy Stone dan Sojourner Truth.

Kumpulan ini memperjuangkan persamaan ke atas polisi dan mereka percaya akan mudah tercapai melalui pendekatan gender. Menurut mereka lagi, masalah keciciran dan ketidakadilan yang berkaitan dengan wanita dalam badan pembuat keputusan dasar itu sendiri.

Berbeza perjuangan di Malaysia walaupun tempas feminisme di Barat turut terpercik, sempadan agama, budaya dan nilai ketimuran terus teguh di kalangan masyarakatnya. Justeru itulah, tindak tanduk wanita dalam perjuangan menuntut hak begitu sederhana, tetapi mempunyai kesedaran kian bertambah.

Melalui beberapa pertubuhan sukarela dan bukan kerajaan (NGO) wanita yang sudah wujud sebelum merdeka lagi, golongan ini memfokus terhadap perjuangan persamaan hak antara wanita dengan lelaki dari segi hasil keputusan

dasar dan akta yang berkaitan dengan wanita. Apa yang pasti, perjuangan diketengahkan membuah hasil apabila banyak perubahan dan kemajuan wanita negara ini yang tercapai.

Malah, sejak merdeka, peranan dan sumbangan wanita dalam bidang politik, sosial, pendidikan dan ekonomi di negara ini tidaklah terlalu jauh bezanya dengan lelaki. Dalam tempoh itu, pelbagai akta digubal khusus untuk memberi perlindungan dan keadilan yang sebelum ini dikatakan tidak dinikmati wanita. Kemajuan pesat yang dinikmati wanita negara ini juga hampir menyamai rakan mereka di Barat.

Hakikatnya, perjuangan wanita negara ini sudah lama wujud dan pada masa sama kita mesti ingat ia tidak boleh dipisahkan dengan perjuangan wanita dalam politik Umno. Pembabitan sejarah politik wanita Umno di negara ini dibuktikan bermula sebelum kemerdekaan lagi. Tidak keterlaluan jika dikatakan,

FAKTA

Rentetan sejarah tertubuhnya Pergerakan Wanita Umno

- Pada Mesyuarat Agung Umno, 1945, tiga tokoh wanita iaitu Putih Mariah Ibrahim Rashid, Zainal Abdul Rahman dan Salena Ali bertemu bagi membincangkan penubuhan sebuah pergerakan wanita Melayu.
- Hasil pertemuan itu, Jabatan Kaum Ibu ditubuhkan pada 1947 dan ia diperbesar kepada Pejabat Setiausaha pada tahun berikutnya.
- Sejarah akhirnya terlakar apabila pada 25 Ogos 1949 bertempat di Butterworth, Pulau Pinang, Umno mengadakan Perhimpunan Agung Wakil Wanita bagi menubuhkan Ahli-ahli Perempuan Umno (APU) dan Putih dilantik sebagai ketua pertubuhan politik wanita pertama di Tanah Melayu itu.
- Setahun kemudian, kepimpinan APU diterajui Tan Sri Zainun Sulaiman.

Berkat beliau menjelajah seluruh pelosok negara dengan sekeping peta Tanah Melayu dan sehelai bendera Umno bagi memberi penerangan mengenai politik serta kemerdekaan, jumlah ahli dan cawangannya bertambah.

- Khadijah Sidek seterusnya dilantik mengetuai pergerakan itu dari 1954 hingga 1956 dan tempat beliau digantikan pula oleh Tun Fatimah Hashim. Pada tahun itu, nama pergerakan ditukar kepada Pergerakan Kaum Ibu Umno dengan Fatimah dipilih menjadi ketuanya sehingga 1972.

- Peranan wanita semakin menyerlah di dalam bidang politik bermula dengan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan Pertama pada 1955 yang mana calon wanita tunggal, Halimahton Abdul Majid,

bertanding dan menang menjadikannya wakil rakyat wanita pertama negara.

- Kejayaan itu berterusan hingga ke hari ini yang mana jumlah wakil rakyat wanita semakin bertambah. Pada Ogos 1971, Umno mengadakan Persidangan Agung Khas untuk mencatur corak perjuangan parti.
- Pada persidangan itu, perlembagaan parti dipinda dan Pergerakan Kaum Ibu ditukar nama kepada Pergerakan Wanita Umno bagi melambangkan imej yang lebih dinamik.
- Fatimah mengundurkan diri pada 1972 dan Tan Sri Aishah Ghani mengambil alih jawatan itu sehingga 1984. Jawatan berkenaan juga pernah disandang oleh Datuk Seri Siti Zaharah Sulaiman dan sehingga sekarang disandang, Datuk Seri Rafidah Aziz.



NOSTALGIA: Fatimah diperkenalkan kepada ahli Wanita Umno Kluang ketika menerajui kepemimpinan suatu ketika dulu.

perjuangan wanita Umno turut menyumbang kepada perintis kemerdekaan di negara ini.

Hasil perjuangan menuntut hak dan meningkatkan pembangunan serta membela nasib wanita itulah juga wanita negara ini kini lebih maju dalam politik, ekonomi dan sosial, berbanding di negara Asean lain.

Rentetan perjuangan dan sumbangan diberikan wanita dalam politik Umno sememangnya tidak boleh dipertikaikan malah ia turut memperlihatkan tahap penyertaan politik wanita negara ini lebih tinggi berbanding wanita di negara Asean lain.

Bersama-sama dengan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Pergerakan Kaum Ibu Umno yang ketika itu aktif sebagai ahli komponen pertubuhan, turut sama menuntut hak saksama untuk wanita terutama gaji sama bagi kerja yang sama. Tuntutan lain termasuklah, mendapat taksiran cukai pendapatan yang berasingan untuk wanita dan menuntut supaya wanita yang bekerja dalam kerajaan dijadikan pekerja tetap dan bukan bertaraf sementara.

Menelusuri susur galur pembabitan wanita dalam parti politik terbesar di negara ini memang istimewa dan memberi makna besar terutama bagi pembangunan wanita Melayu. Lebih-

lebih lagi, banyak kisah suka duka, rintangan dan cabaran yang terpaksa dilalui.

Apa yang jelas, perjuangan dan pembabitan wanita dalam bidang politik tidak wajar dikaitkan dengan percuturan menegakkan hak dan meraih kuasa sematamata tetapi mempunyai peranan yang jauh lebih penting. Ini kerana bidang politik amat berkait rapat di antara individu dengan masyarakat.

Apabila wanita membabitkan diri di dalam politik secara tidak langsung, menyebabkan penyertaan mereka di dalam bidang luar di rumah tangga atau lapangan lain untuk turut sama dengan masyarakat serta sama-sama menyumbang kepada pembangunan negara.

Maka itulah, penyertaan lebih ramai wanita dalam politik pada masa kini dilihat amat perlu supaya boleh membawa pengaruh kuat dan mampu memberikan impak lebih besar bagi mencorak pembangunan serta meningkatkan kemajuan, khususnya wanita di negara ini.

Malah, melalui penyertaan wanita dalam bidang itu ia bermakna mereka turut serta dalam menjawab jawatan dalam kerajaan dan pembabitan dalam mempengaruhi proses membuat dasar mengenai bukan saja membabitkan wanita, bahkan juga masyarakat

keseluruhannya.

Penyertaan dan pengaruh melalui saluran itu tidak dinafikan memberi ruang agar suara serta perjuangan wanita yang diketengahkan sejak dulu dapat direalisasikan dan mencapai kejayaan seperti mana diharapkan. Untuk itu jugalah penyertaan wanita dalam politik Umno perlu kukuh dan mantap.

Apa yang dilihat sejak merdeka, bilangan calon wanita yang dipilih untuk memasuki badan pembuat keputusan politik di Malaysia semakin bertambah, tetapi hanya pada kadar yang sederhana dan masih berada di tahap rendah.

Pada 1990, hanya lima peratus daripada ahli parlimen terdiri daripada wanita. Bilangan ini berganda sebanyak 10 peratus pada 1999, tetapi ia kekal pada tahap itu walaupun selepas pilihan raya umum pada 2004.

Dengan pendidikan pada peringkat yang tinggi dan sering kali melepasi jumlah lelaki adalah diharapkan wanita di negara ini dapat membabitkan diri dengan sepenuhnya di setiap peringkat negeri. Inilah juga yang menjadi antara tanggungjawab berat perlu digalas wanita dalam politik Umno yang menjadi tunjang parti dan berjumlah lebih daripada 50 peratus daripada ahli Umno.